

TERHAD

Skuadron 503
Pangkalan TLDM Kota Kinabalu
Teluk Sepangar
88846 KOTA KINABALU

Tel : 088-350346
Emel : skn503@navy.mil.my

20 Okt 23

SKN 503.500-4/6/8 – (5)

Pengarah Urusan
Galaxy Aerospace (M) Sdn. Bhd.
Suite 11-14, Helicopter Centre
Malaysia International Aerospace Centre
Sultan Abdul Aziz Shah Airport
47200 SUBANG

Yang Berbahagia Dato'

SOKONGAN KHAS BAGI PROTÉGÉ NUR HASNAH BINTI HAKIM

1. Berhubung dengan perkara di atas, Skuadron 503 telah menerima empat (4) orang protégé menerusi *Industrial Collaboration Programme* (ICP) melalui projek perolehan Helikopter Operasi Maritim (HOM) TLDM bermula bulan November 2022 untuk tempoh selama setahun.

2. Untuk makluman Yang Berbahagia Dato', Nur Hasnah binti Hakim merupakan salah seorang protégé yang telah melapor ke skuadron ini pada 14 November 2022 dan kontrak penempatan akan tamat pada 13 November 2023. Protégé Nur Hasnah binti Hakim telah dilahirkan pada 1 Mac 1996 di Kota Kinabalu, Sabah dan kini berumur 27 tahun. Beliau merupakan graduan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam jurusan *Industrial Relation and Labour Studies* dan telah menamatkan pengajian pada tahun 2019. Semasa beliau menjalani pengajian dalam jurusan terbabit, beliau telah mengikuti latihan industri di Pejabat PERKESO, Wisma PERKESO, Kota Kinabalu di dalam bahagian pentadbiran.

3. Sepanjang beliau berada di Skuadron 503, beliau ditempatkan di Pejabat Tadbir skuadron bagi mempelajari ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman dalam bidang pentadbiran. Di samping itu, beliau juga turut membantu staf skuadron menjalankan tugas-tugas lain dalam beberapa bahagian sebagai penambahan pengetahuan dan pengalaman baharu.

4. Sehubungan dengan itu, bagi memantapkan lagi pengetahuan dan pengalaman, beliau telah melaksanakan dan membantu skuadron di dalam tugas-tugas berikut:

- (a) Menjalankan tugas-tugas pentadbiran seperti merekod surat masuk dan keluar, menyusun surat-surat mengikut nombor fail serta mengurus dokumen perubatan BAT F4 bagi setiap pegawai dan anggota Skuadron 503.

TERHAD



TERHAD

(c) Merupakan ahli jawatankuasa Majlis Hari Raya Aidilfitri Skuadron 503 serta menjadi juruacara pada majlis tersebut.

(d) Juruacara tetap dalam beberapa aktiviti skuadron seperti *Safety Aviation Week* dan pertandingan bowling peringkat Skuadron 503 serta aktiviti di peringkat Stesen Udara Kota Kinabalu.

5. Sepanjang tempoh penempatan beliau di skuadron, beliau merupakan seorang yang berdedikasi dan komited terhadap kerja yang diberikan. Beliau juga sentiasa berusaha memajukan diri serta mempertingkatkan pengetahuan di dalam bidang kerja yang dijalankan. Beliau mempunyai personaliti yang baik dan boleh menyesuaikan diri di dalam semua jenis persekitaran kerja. Justeru, dengan prestasi kerja, pengalaman yang dimiliki dan minat yang ditunjukkan, skuadron amat yakin beliau boleh terus maju dan berpotensi untuk berjaya dalam kerjaya di masa hadapan sekiranya diberi peluang.

6. Oleh yang demikian, skuadron dengan rendah hati memohon agar pihak Yang Berbahagia Dato' mempertimbangkan protégé Nur Hasnah binti Hakim untuk diserapkan sebagai staf tetap di Galaxy Aerospace (M) Sdn. Bhd setamatnya kontrak beliau sebagai protégé di skuadron ini.

7. Sekian dimajukan sokongan untuk perhatian dan pertimbangan pihak Yang Berbahagia Dato' sewajarnya. Terima kasih.



MUHAMMAD FIRDAUS BIN RAMLI

Kdr TLDM

bp Pegawai Memerintah

TERHAD